

# Usaha promosi penyelidikan sejarah, warisan dan folklor harus disokong pelbagai pihak

NST 16.8.2018 8

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

**KOTA KINABALU:** Usaha mempromosikan penyelidikan dalam bidang sejarah, warisan dan folklor di Nusantara adalah usaha yang melibatkan banyak pihak khasnya golongan penyelidik dan ahli sejarah.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Dr. Ismail Ali berkata usaha berterusan pihak universiti khasnya Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan bagi mengekalkan kesinambungan kajian sejarah, warisan dan folklor harus disokong pelbagai pihak.

Katanya, UMS sebagai sebuah universiti yang mementingkan aspek penyelidikan sentiasa menyediakan dana dan peruntukan khasnya bagi penyelidik tempatan untuk menjalankan kajian yang berkaitan.

"Usaha meneruskan bidang penyelidikan sejarah, warisan dan folklor turut menjadi cabang yang diberi perhatian oleh pihak universiti dan dana turut disediakan bagi usaha seperti ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir dalam

Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Sejarah, Warisan dan Folklor Nusantara di sini kelmarin.

Menurut Ismail, negara rantau Nusantara sememangnya kaya dengan sejarah, warisan dan folklor masing-masing dan membawa cerminan budaya tersendiri.

"Beri perhatian kepada kajian seperti ini kerana ia mencerminkan budaya dan identiti pelbagai penduduk peribumi khasnya bagi rantau Nusantara," katanya.

Ismail turut menegaskan bahawa pertemuan antara pengkaji dari pelbagai bidang mampu memberi sumbangan besar dalam bidang akademik.

Katanya, perkembangan ilmu yang diperoleh melalui perkongsian pelbagai penyelidik mampu menghasilkan impak baru dalam perkembangan ilmu khasnya bagi kajian berasaskan sejarah, warisan dan folklor.

Persidangan yang berlangsung selama dua hari bermula kelmarin (15 Ogos) dan berakhir hari ini (16 Ogos) turut disertai oleh peserta dari luar negara seperti Indonesia dan Brunei.

Sebanyak 90 kertas kerja merangkumi pelbagai tajuk berkaitan akan dibentangkan dan



**RASMI...Ismail Ibrahim (kanan), Ismail Ali (tengah) menurunkan tandatangan sebagai tanda merasmikan majlis, Low (kiri).**

dimuatkan ke dalam prosiding persidangan.

Sementara itu, Pengerusi persidangan, Prof. Madya. Dr. Low Kok On memberitahu bahawa persidangan yang diadakan buat kali kedua itu akan dirancang dan diteruskan sebagai acara

tahunan.

Katanya, persidangan yang mengumpulkan dapatan kajian pengkaji dalam bidang sejarah, warisan dan folklor itu turut memberi penekanan kepada aspek ilmu ketamadunan.